



**PRIVACY NOTICE
TO CLIENTS/POTENTIAL CLIENTS
(Relating to the Personal Data Protection Act 2010/PDPA)**

1. Objective

The Personal Data Protection Act 2010 (hereinafter referred to as the "Act"), which regulates the processing of personal data in commercial transactions applies to BIMB Securities Sdn Bhd and its related companies (hereinafter collectively referred to as "the Company"). This notice is issued pursuant to the requirement of the Act.

2. Definition

- (a) For the purpose of this notice, the terms "personal data" and "processing" shall have the meaning prescribed in the Act.
- (b) This notice applies to any clients or potential clients who have supplied and may continue to supply from time to time the personal data to the Company.
- (c) This notice serves to inform the clients or potential clients on how the personal data in respect of commercial transaction is being used and processed by or on behalf of the Company.
- (d) The **Personal Data** ("**Data**") means any information provided by the clients and/or potential clients to the Company which may include information on the followings:-
 - (i) Personal details (such as name, age and date of birth, gender, identity card number, passport number, race, ethnic origin, citizenship and nationality, marital status, spouse or next of kin);
 - (ii) Contact details (such as correspondence and house addresses, email addresses, username/userID, password, phone number, emergency contact details);
 - (iii) Employment details (such as employment status, designation, employer's name and details, income range);
 - (iv) Financial and Investment details (bank address, account number, type of account, securities account and securities dealings details, estimated networth, source of wealth or funds);
 - (v) In addition, the Company may from time to time requests for certain other personal information that may be relevant for the Company and required for the purposes set out in paragraph 3 below.

3. Purpose

The Company may use and process the Data for the following purposes ("Purposes") :

- (i) The processing of the clients or potential clients application for accounts, services and financial facilities and the daily operation of the accounts, services and financial facilities;
- (ii) Conducting credit checks (including but not limited to upon an application for financial facilities and upon periodic review of the said facilities);
- (iii) Creating and maintaining Company's credit and risk related models and/or any purpose relating to risk management functions;
- (iv) To enable the Company to discharge its duties and obligations under the law including Capital Markets and Services Act 2007, the Securities Commission Act 1993, the Securities Industry (Central Depositories Act) 1991, Bursa Malaysia Rules relating to securities, derivatives, bond and Islamic market or any other stock or derivatives exchange, clearing house, securities depository authorised by the relevant local or foreign laws or such other purpose as required by law;
- (v) Meeting the disclosure requirements or other compliance requirements of any rules or law binding on the Company or under and for the purposes of any guidelines or regulations issued by regulatory or other authorities with which the Company are expected to comply;
- (vi) Corporate due diligence exercise which include security, crime and fraud prevention, audit and debt collection in order that services may be processed by the Company;
- (vii) For investigating, reporting, preventing, or otherwise in relation to breach of confidential information, fraud, money laundering, terrorist financing and criminal activities generally or the taking of any remedial or preventive action in relation thereto;
- (viii) For performing market research, surveys or statistical analysis for various objectives of the Company or within the Group;
- (ix) To support the Company's business, financial and risk monitoring, planning and decision making;
- (x) For corporate affairs purposes which include advertisement and promotional material, publication in Company's printing materials, website and/or electronic media as well as external parties' printing materials and/or electronic media;
- (xi) For the purpose of protecting the Company's interest and rights under any contracts or law and any purposes relating thereto;
- (xii) Investigating and reporting complaint and to enable the resolution of a concern or complaint;
- (xiii) Processing, maintaining and retaining/storing the Data for present and future reference (if applicable);
- (xiv) To send any research material or publication, details or information of seminar, conference or talks which may of interest to Clients and/or potential clients.
- (xv) For any other purpose that is incidental or ancillary or in furtherance to the above Purposes.

4. Retention of Data

- (a) You understand and agree that the Company may retain your Data including any updates for a period necessary to fulfil the purpose and that the Data may be retained for a longer period if there is a subsisting reason that obliges the Company to do so or where it is required by law to retain your Data for a longer period.
- (b) Any Data retained by the Company shall be destroyed and/or deleted from the records and system in accordance with the Company's retention policy in the event such Data is no longer required for the said purposes.

5. Source of Data

The Data is collected from clients and/or potential clients and from various sources, including information you provided on the website, emails, all forms of application and participation, any information from third parties and information in the public domain or other sources which the Company has access to.

6. Contact Person

At any time hereafter and in the event you:-

- (a) Require for access, queries, correction, deletion or limit the processing of your Data (including the Data of others provided by you) at any time hereafter; or
- (b) If you have reason to believe that the Company has breached the principles set out in this notice; or
- (c) You have any complaints related to misuse or suspected misuse of the Data;

you may contact the following person via telephone or email or other written forms :-

Contact Person	Puan Harlina Hamidi@Abdul Rani
Mailing Address	BIMB Securities Sdn Bhd Level 32, Menara Multi Purpose Capital Square No.8 Jalan Munshi Abdullah 50100 Kuala Lumpur
Telephone No	03-2691 8887 ext 104
Fax No	03-2691 1262
Email address	harlina@bimbsec.com.my

7. Charges or Fees

In accordance with the Act, the Company:-

- (a) May charge a fee for processing your request for access or correction; and
- (b) May refuse to comply with your request for access or correction in accordance with the Act.

8. Disclosure of Data

Subject to relevant laws, all Data held by the Company relating to clients and potential clients will be kept confidential but the Company may provide or disclose such information to the following parties (whether within or outside Malaysia) for the Purpose set out above (the parties may also subsequently process, transfer and disclose such Data for the same purpose set out above):-

- (a) The parent company of the Company, its subsidiaries, related and associated companies;
- (b) Any agents, contractors, and any third party service providers who provide administrative, telecommunications, computer and other services to the Company in connection with the operation of its business;
- (c) Bursa Malaysia, Securities Commission, Bank Negara Malaysia, the Police, the Malaysian Anti-Corruption Commission, Companies Commission of Malaysia, Registrar of Societies and other supervisory, governmental or relevant authority;
- (d) Any other stockbroking companies or financial institutions dealing in securities services which offer retail investment services with which you intend to open or has/had an account;
- (e) Any other stock or derivatives exchange, clearing house, securities and depository authorised by the relevant laws;
- (f) The public at large by publishing the same in accordance with the relevant rules of Bursa or any other governing bodies;
- (g) Any person to whom the Company is under the obligation to make disclosure under the requirements of any law binding on the Company or under the purposes of any guidelines or regulations issued by regulatory or other competent authorities with which the Company are expected to comply;
- (h) Any actual or proposed purchaser of all or part of the business of the Company or, in the case of any merger, acquisition or other public offering, the purchaser or subscriber for shares in the Company;
- (i) Lawyers, auditors, professional firms or entities that provides professional services for the Company;
- (j) Any other person under a duty of confidentiality to the Company who has undertaken to keep such information confidential;
- (k) Any other person which Company may think fit, notwithstanding that any such persons may be outside Malaysia, for any of the above purposes or any other purpose for which your Data is to be disclosed at the time of its collection or any other purpose directly related to any of the above purposes or where such disclosure is required or authorised by law or by the order of a court.

9. Data Integrity

You are responsible for ensuring that the Data you provide is accurate, complete and not misleading and that such Data is kept up to date for the purpose whether directly or indirectly for which the Data was collected and further processed. For avoidance of doubt, the Company and/or its employees or authorised officers or agents will not be responsible for any Data submitted by you to the Company that is inaccurate, misleading, incomplete and not updated.

10. Consent

- (a) By providing your Data to the Company, you hereby expressly consent for the Company to process and disclose the Data in accordance with the above purposes and to the above parties unless the Company is informed in writing to the contrary.
- (b) Where the clients and/or potential clients disclosed Data of other individual apart from themselves, the clients and/or potential clients warrant that the clients and/or potential clients have obtained the consent of all such individual to the provision of their Data to the Company for the foregoing purposes and for disclosure to such parties as stipulate above and the clients or potential clients undertake to extend a copy of this Notice to all such individual from time to time.
- (c) If you fail to supply us with the above Data, we may not be able to carry out the Purpose for which you have provided us the Data or affect the ability of the Company to perform its obligation under any potential or existing contract or to enable you to enjoy the benefits related thereto.

11. Amendment

The Company reserves the right to amend this Notice at any time and will place notice of such amendments via email, on the Company's website or other mode of communication that the Company thinks appropriate.

In case of any inconsistencies between English and Bahasa Malaysia version notice, the English version shall prevail.



**NOTIS PRIVASI
PELANGGAN DAN BAKAL PELANGGAN
(Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010/PDPA)**

1. Objektif

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Selepas ini dirujuk sebagai "Akta") yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersil adalah terpakai ke atas Bimb Securities Sdn Bhd dan syarikat-syarikat berkaitan (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Syarikat"). Notis ini dikeluarkan menurut peruntukan Akta berkenaan.

2. Definisi

- (a) Bagi tujuan notis ini, terma "data peribadi" dan "pemprosesan" membawa maksud sepertimana takrifan Akta berkenaan.
- (b) Notis ini terpakai kepada pelanggan atau bakal pelanggan yang telah membekalkan dan berterusan membekalkan sebarang data peribadi mereka dari masa ke semasa kepada Syarikat.
- (c) Notis ini bertujuan memberitahu pelanggan atau bakal pelanggan bagaimana data peribadi dalam transaksi komersil digunakan dan diproses oleh/atau bagi pihak Syarikat.
- (d) Data Peribadi (selepas ini dirujuk sebagai "Data") bermaksud semua maklumat yang dibekalkan oleh pelanggan dan/atau bakal pelanggan kepada Syarikat dan mungkin termasuk maklumat berkenaan perkara berikut:-
 - (i) Butiran peribadi (seperti nama, umur dan tarikh lahir, jantina, nombor kad pengenalan, nombor paspot, bangsa, etnik asal, kenegaraan dan warganegara, taraf perkahwinan, butiran pasangan atau keluarga terdekat);
 - (ii) Butiran perhubungan (seperti alamat perhubungan dan rumah, alamat e-mel, nama pengguna/pengenalan pengguna, kata laluan, nombor telefon, butiran perhubungan semasa kecemasan);
 - (iii) Butiran pekerjaan (seperti status penggajian, jawatan, nama majikan dan butiran serta jumlah pendapatan);
 - (iv) Butiran kewangan dan pelaburan (alamat bank, nombor akaun, jenis akaun, akaun sekuriti dan butiran transaksi urusniaga, anggaran kekayaan, sumber kekayaan atau dana);
 - (v) Selain dari itu, Syarikat akan dari masa ke semasa meminta maklumat peribadi tertentu yang mungkin berkaitan dengan Syarikat dan diperlukan bagi maksud perenggan 3 di bawah.

3. Tujuan

Syarikat akan menggunakan dan memproses Data bagi tujuan (Tujuan) berikut:

- (i) Memproses permohonan pelanggan atau bakal pelanggan untuk akaun-akaun, perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan serta operasi harian akaun-akaun, perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan pembiayaan tersebut;
- (ii) Menjalankan pemeriksaan kredit (termasuk tetapi tidak terhad semasa permohonan kemudahan pembiayaan dan semasa kajian semula berkala kredit);
- (iii) Mewujudkan dan mengekalkan kredit Syarikat dan model berkaitan risiko dan/atau apa-apa tujuan berkaitan dengan fungsi-fungsi pengurusan risiko.
- (iv) Bagi membolehkan Syarikat melaksanakan semua tugas dan obligasi di bawah undang-undang termasuk dibawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1983, Akta Perindustri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Peraturan Bursa Malaysia berkaitan dengan sekuriti, derivative, bon dan pasaran Islam atau mana-mana bursa saham atau bursa derivative, rumah penjelasan, depository sekuriti yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan atau undang-undang asing yang berkaitan atau atas apa-apa sebab yang dikehendaki oleh undang-undang.
- (v) Memenuhi keperluan untuk membuat penzahiran di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang mengikat dan bagi maksud mematuhi mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau pihak-pihak berkuasa lain yang perlu dipatuhi oleh Syarikat.
- (vi) Pelaksanaan usaha wajar korporat termasuk keselamatan dan pencegahan jenayah dan penipuan, audit dan kutipan hutang dan bagi membolehkan perkhidmatan dapat diproses oleh Syarikat.
- (vii) Bagi menjalankan siasatan, laporan, pencegahan atau selainnya berkenaan pelanggaran kerahsiaan maklumat, penipuan, perubahan wangharam, pembiayaan keganasan dan aktiviti jenayah amnya atau apa-apa langkah pencegahan dan pemulihan yang berkaitan.
- (viii) Bagi melaksanakan penyelidikan pasaran, kajian atau analisa statistik bagi pelbagai tujuan Syarikat atau Kumpulan;
- (ix) Bagi menyokong perniagaan Syarikat, pemantauan kewangan dan risiko, perancangan dan pembuatan keputusan;
- (x) Bagi tujuan hal ehwal korporat termasuk pengiklanan dan bahan promosi, bahan terbitan Syarikat, laman web dan/atau media elektronik termasuk bahan terbitan pihak lain dan/atau media elektronik mereka;
- (xi) Bagi tujuan melindungi kepentingan dan hak Syarikat dibawah mana-mana perjanjian atau undang-undang dan mana-mana tujuan berkaitan;
- (xii) Menyiasat dan melaporkan aduan dan membolehkan penyelesaian keresahan dan aduan;
- (xiii) Memproses, mengawal dan menyimpan Data untuk rujukan semasa dan akan datang (sekiranya terpakai);
- (xiv) Untuk menghantar bahan penyelidikan atau terbitan, butiran atau maklumat seminar, persidangan atau ceramah yang mungkin bermanfaat kepada pelanggan dan/atau bakal pelanggan;
- (xv) Untuk semua tujuan sampingan atau berkaitan atau lanjutan daripada Tujuan diatas.

4. Penyimpanan Data

- (a) Anda faham dan setuju bahawa Syarikat akan menyimpan Data anda termasuk segala Data terkemaskini bagi suatu tempoh yang perlu untuk memenuhi Tujuan tertentu dan Data akan disimpan lebih lama sekiranya terdapat alasan yang mewajibkan Syarikat untuk berbuat demikian atau bilamana terdapat keperluan undang-undang yang memerlukan penyimpanan Data lebih lama.
- (b) Sebarang Data yang disimpan oleh Syarikat akan dimusnahkan dan/atau dipadamkan dari rekod dan sistem menurut peruntukan polisi penyimpanan Syarikat apabila Data tersebut tidak lagi diperlukan untuk Tujuan berkenaan.

5. Sumber Data

Data adalah dikumpulkan dari pelanggan dan/atau bakal pelanggan dan dari pelbagai sumber termasuk maklumat yang diperolehi dari laman web, e-mel, semua borang permohonan dan penyertaan, mana-mana maklumat dari pihak ketiga dan maklumat dari domain awam atau mana-mana sumber yang boleh diakses oleh Syarikat.

6. Pihak Untuk Dihubungi

Bila-bila masa selepas ini dan sekiranya anda dalam keadaan berikut:

- Memerlukan akses, pertanyaan, pembetulan, pemansuhan atau menghadkan pemprosesan Data (termasuk data orang lain yang dibekalkan anda) bila-bila masa; atau
- Anda mempunyai sebab untuk percaya bahawa Syarikat telah melanggar prinsip-prinsip di dalam notis ini; atau
- Anda mempunyai aduan berkaitan dengan penyalahgunaan atau mengesyaki terdapat penyalahgunaan Data

anda boleh menghubungi pihak berikut melalui telefon atau e-mel atau menulis kepada:-

Pegawai Untuk Dihubungi	Puan Harlina Hamidi@Abdul Rani
Alamat untuk dihubungi	BIMB Securities Sdn Bhd Level 32, Menara Multi Purpose Capital Square No.8 Jalan Munshi Abdullah 50100 Kuala Lumpur
No Telefon	03-2691 8887 ext 104
No Fax	03-2691 1262
Alamat e-mel	harlina@bimbsec.com.my

7. Yuran Atau Caj

Selaras dengan peruntukan Akta, Syarikat:-

- Boleh mengenakan yuran bagi memproses permintaan untuk akses atau membuat pembetulan; dan
- Boleh menolak untuk menurut permintaan akses atau pembetulan mengikut peruntukan Akta.

8. Penzahiran Data

Tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan, semua Data yang disimpan oleh Syarikat berkaitan dengan pelanggan dan bakal pelanggan akan dirahsiakan tetapi Syarikat akan membekalkan atau menzahirkan maklumat berkenaan kepada pihak berikut (sama ada di Malaysia mahupun di luar Malaysia) bagi Tujuan yang dinyatakan diatas (pihak-pihak berkenaan akan seterusnya memproses, memindah dan menzahirkan Data berkenaan atas Tujuan yang sama seperti di atas):-

- Syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dan/atau bersekutu kami;
- Mana-mana agen, kontraktor dan mana-mana penyedia perkhidmatan yang memberikan perkhidmatan pentadbiran, telekomunikasi, komputer dan perkhidmatan lain kepada Syarikat yang berkaitan dengan operasi perniagaan;
- Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia, Polis, Suruhanjaya Pencegah Rasuah, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pendaftaran Koperasi dan mana-mana pihak berkuasa penyeliaan, badan kerajaan atau pihak berkuasa berkaitan;
- Mana-mana syarikat broker saham lain atau institusi kewangan yang berurusan dengan perkhidmatan sekuriti yang menawarkan perkhidmatan pelaburan secara runcit dimana anda ingin membuka akaun atau mempunyai akaun;
- Mana-mana bursa saham atau bursa derivatif, rumah penjelasan, depositori sekuriti yang diluluskan oleh undang-undang berkaitan;
- Kepada orang awam dengan menerbitkan Data peribadi selaras dengan peraturan Bursa yang berkaitan;
- Mana-mana orang dimana Syarikat bertanggungjawab untuk membuat penzahiran menurut peruntukan undang-undang yang mengikat Syarikat atau untuk apa-apa tujuan dibawah garispanduan atau peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa atau mana-mana badan berkuasa dimana Syarikat perlu patuhi;
- Mana-mana pembeli sebenar atau bakal pembeli bagi semua atau sebahagian daripada perniagaan Syarikat atau di dalam kes pengabungan, pengambilalihan atau tawaran awam lain, pembeli atau pelanggan kepada saham di dalam Syarikat;
- Para peguam, juru audit, firma profesional atau mana-mana pihak yang memberikan perkhidmatan profesional kepada Syarikat;
- Mana-mana pihak lain yang mempunyai tanggungjawab kerahsiaan kepada Syarikat dan telah mengakujajangi untuk merahsiakan maklumat berkenaan.
- Mana-mana pihak yang Syarikat fikirkan sesuai sekalipun pihak berkenaan berada di luar Malaysia bagi Tujuan yang dinyatakan diatas atau mana-mana tujuan lain yang memerlukan penzahiran Data anda sewaktu pengumpulan atau mana-mana tujuan yang berkait secara langsung dengan tujuan diatas atau apabila Data berkenaan diperlukan atau diberikuasa di bawah undang-undang atau perintah mahkamah untuk dizahirkan.

9. Integriti Data

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Data yang anda bekalkan adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan Data berkenaan adalah terkini bagi maksud sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan Tujuan Data berkenaan dikumpulkan dan seterusnya diproses. Bagi mengelakkan kekeliruan, Syarikat dan/atau kakitangannya atau pegawai yang diberikuasa atau agen Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang Data yang tidak tepat, mengelirukan, tidak lengkap dan tidak dikemaskinikan yang telah dikemukakan oleh anda kepada Syarikat.

10. Persetujuan

- Dengan membekalkan Data anda kepada Syarikat, anda dengan ini memberikan persetujuan secara nyata kepada Syarikat untuk memproses dan menzahirkan Data berkenaan bagi tujuan diatas dan kepada pihak-pihak lain seperti yang dinyatakan kecuali Syarikat dimaklumkan secara bertulis sebaliknya.
- Dimana pelanggan dan/atau bakal pelanggan menzahirkan Data individu lain selain dari diri mereka sendiri, pelanggan dan/atau bakal pelanggan mengesahkan bahawa mereka telah memperoleh persetujuan daripada individu lain tersebut berkenaan dengan tujuan Data berkenaan dan penzahirannya kepada pihak-pihak diatas dan pelanggan dan/atau bakal pelanggan mengakujajangi akan memanjangkan satu salinan Notis ini kepada individu tersebut dari masa ke semasa.
- Sekiranya anda gagal untuk membekalkan kepada Syarikat Data diatas, Syarikat mungkin tidak dapat menjalankan Tujuan diatas yang merupakan sebab pembekalan Data berkenaan atau ia akan memberi kesan kepada keupayaan Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawabnya dibawah mana-mana kontrak sedia ada atau di masa hadapan atau membolehkan anda menikmati sebarang faedah daripadanya.

11. Pindaan

Syarikat berhak untuk meminda Notis ini pada bila-bila masa dan akan memaparkan notis berhubung dengan pindaan tersebut di laman web Syarikat atau apa-apa bentuk komunikasi lain yang dirasakan sesuai oleh Syarikat.

Sekiranya terdapat percanggahan di antara notis versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris adalah mengatasi.